

Kes SRC

# 'Saya tiada kaitan guna dana RM3.95b'

Najib tegaskan hanya tandatangani kelulusan berdasarkan cadangan lembaga pengarah syarikat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak, menegaskan beliau tiada kaitan dengan penggunaan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM3.95 bilion yang diperolehi melalui pembiayaan daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau hanya meluluskan

pinjaman syarikat pelaburan strategik negara itu dan penggunaan dana bagi tujuan pelaburan dalam sektor tenaga dan sumber asli adalah terpuang kepada keputusan Lembaga Pengarah (BOD).

Najib yang menjawab soalan peguam SRC, P Gananathan, pada prosiding perbicaraan kes saman sivil syarikat itu terhadapnya, berkata beliau menandatangani kelulusan berdasarkan cadangan BOD syarikat terbabit.

"Berapa banyak (dana) yang pergi ke (bahagian) ini atau yang pergi ke (bahagian) itu bukan keputusan saya. Mereka membentangkannya mengikut keperluan.

"Sebagai Perdana Menteri pada ketika itu, saya tidak perlu risau dengan (penggunaan) dana ini... saya tidak tahu.

"Tiada Perdana Menteri boleh meneliti kesemua butiran. Ini adalah tanggungjawab BOD SRC International," katanya.

Sementara itu, Najib berkata be-

liau tidak mempersoalkan permohonan pembiayaan tambahan SRC berjumlah RM2 bilion kerana yakin BOD SRC membuat keputusan yang bertanggungjawab demi kepentingan terbaik syarikat.

## Yakin keputusan lembaga pengarah

Najib berkata, beliau berbincang dengan pengurusan SRC mengenai keperluan mendapatkan pinjaman tambahan itu daripada KWAP untuk menyokong pelaburan syarikat dalam sektor tenaga pada masa hadapan.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak membangkitkan perkara itu secara langsung kepada BOD SRC.

Katanya, beliau sedar ada proses rasmi sebelum permohonan pinjaman kedua diluluskan oleh KWAP dan adalah menjadi tanggungjawab bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Nik Faisal Ariff Kamil untuk berhubung dengan BOD SRC mengenai isu itu.



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

"Adalah menjadi kewajipan pengurusan untuk membentangkan pelaburan yang dijangka akan dilakukan oleh SRC untuk mewajarkan permintaan pinjaman, bukan saya," katanya.

Gananathan seterusnya mempersoalkan keterangan Najib dengan membayangkan bahawa BOD SRC masih memerlukan kelulusan beliau untuk meneruskan rancangan pelaburan mereka.

**Gananathan: Tidak kira apa sahaja yang dikatakan kepada anda oleh BOD atau pengurusan, penggunaan dana ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa tandatangan dan kelulusan anda?**

**Najib:** Saya tidak setuju.

Pada 7 Mei 2021, SRC memfailkan saman sivil terhadap Najib dan Nik Faisal dengan menuntut ganti rugi AS\$1.18 bilion.

Dalam kes saman terbabit, bekas pengarah SRC International dinamakan pihak ketiga responden, iaitu Tan Sri Ismee Ismail, Datuk Suboh Md Yassin, Datuk Mohamed Azhar Osman Khairuddin, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halimi dan Datuk Che Abdullah @ Rashidi Che Omar.

SRC mendakwa kedua-dua defendan bersubahat dan melakukan pecah amanah dan Najib turut didakwa menyalahgunakan kuasanya dan memperoleh ganjaran peribadi daripada dana SRC, selain menyeleweng dana itu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin bersambung hari ini.